

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN**  
**PBT SELURUH MALAYSIA KE-15**  
**26 NOVEMBER 2012 (ISNIN)**  
**DI AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP**

---

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan  
Pengurusan Lalulintas

**Yang Dihormati ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang dihormati Tuan Sr Haji Rozali bin Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berbahagia Tuan Haji Abdul Wahab Bin Abdullah**

Pengerusi Persatuan Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia  
(PEPAM) merangkap Pengarah Penilaian Majlis Perbandaran Kuantan

**Ketua-Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Ahli - Ahli Jawatankuasa Persatuan Penilaian Pihak Berkuasa  
Tempatan atau PBT Malaysia**

**Tuan yang dipertua dan Pegawai-pegawai Penilaian yang mewakili  
PBT Seluruh Malaysia**

**dan**

**Rakan-rakan Media yang saya kasihi sekalian**

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, bersyukur kita kehadrat llahi kerana dengan limpah kurniaNya, memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Perasmian Mesyuarat Pegawai-pegawai Penilaian PBT Seluruh Malaysia kali Ke-15*.
2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengurus MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dengan pegawai-pegawai penilaian PBT yang hadir dan sekali gus untuk merasmikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Penilaian PBT seluruh Malaysia pada malam ini. Ini adalah satu komitmen yang tinggi yang menjadi teladan kepada warga kerja yang lain.
3. Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada malam ini, untuk bersama-sama dengan kami

sempena dengan perasmian Mesyuarat ini. Terima kasih juga kerana memilih Seberang Perai sebagai destinasi mengadakan program ini.

4. Selamat datang saya ucapkan kepada peserta-peserta iaitu Pegawai-pegawai Penilaian PBT dari seluruh Malaysia yang saya dimaklumkan ada yang datang dari jauh iaitu Sabah dan Sarawak dan saya juga difahamkan penyertaan mencecah 251 orang. Mungkin ada di kalangan anda, ini merupakan kunjungan yang pertama ke Pulau Pinang dan ke ibu pejabat MPSP di Bandar Perda, Bukit Mertajam ini. Sekali lagi Selamat Datang saya ucapkan.
5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai tuan rumah yang diketuai oleh Encik Mat Nasir bin Hassan iaitu Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta yang telah bertungkus lumus untuk merealisasikan penganjuran Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penilaian PBT Seluruh Malaysia Ke-15 pada tahun ini. Bukan satu perkara yang mudah untuk menganjurkan program besar sebegini di samping tugas-tugas harian yang tidak boleh ditinggalkan.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Saya difahamkan Mesyuarat Pegawai-pegawai Penilaian PBT Seluruh Malaysia ini adalah merupakan satu acara tahunan dalam kalender Persatuan Penilaian PBT Malaysia. Usaha dan inisiatif ini memberi peluang kepada pegawai-pegawai penilaian PBT berkumpul,

mengenali di antara satu sama lain bagi mewujudkan satu ukhuwah serta berkongsi dan bertukar-tukar fikiran ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan.

7. Aktiviti seperti ini sudah tentulah merupakan satu wadah yang boleh mengukuhkan persefahaman dan menguatkan jentera PBT khususnya dan jentera pentadbiran kerajaan secara amnya. Ia merupakan pertemuan bidang yang sealiran dan secara tidak langsung banyak perkara yang boleh dicapai serta memperolehi kata sepakat, keseragaman dan penyelarasan dalam membuat apa-apa keputusan. Ini menunjukkan kekuatan kita apabila berdepan dengan masyarakat, orang awam serta stakeholder di kawasan dan negeri masing-masing.
8. Saya berasa amat berbangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke perasmian pada malam ini dan seterusnya ke agenda-agenda yang telah diaturkan sepanjang tiga(3) hari mesyuarat pegawai-pegawai penilaian PBT pada kali ini. Kehadiran ini membuktikan komitmen dan iltizam yang tinggi terhadap tanggungjawab serta peranan kita dalam organisasi yang dianggotai. Mudah-mudahan kita memperolehi manfaat dan idea-idea baru di sepanjang program ini berlangsung.
9. Program ini pada pandangan saya ianya perlu menjadi medan dalam menambah ilmu dan juga percambahan fikiran yang positif dengan harapan dapat membawa hasil dalam peningkatan prestasi perkhidmatan PBT masing-masing. Saya percaya ini akan dapat menjadi dorongan kepada semua dalam meningkatkan mutu kerja

dengan mengenalpasti kelemahan dan seterusnya memantapkan lagi kekuatan yang sedia ada.

10. Sebagai seorang YDP sudah tentulah saya sentiasa memberi sokongan padu apabila ada program sebegini dilaksanakan di tempat saya.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Saya juga telah dimaklumkan bahawa tema yang dipilih untuk mesyuarat pada kali ini ialah "**Ke Arah Memperkasakan Pendapatan PBT Melalui Profesional Penilaian**". Tema itu amat sesuai sekali kerana Pegawai penilaian memainkan peranan utama dalam menjana pendapatan sesebuah PBT. Secara puratanya 70% daripada pendapatan di MPSP adalah sumber dari cukai pintu atau cukai taksiran dan saya percaya di tempat tuan juga sebeginu kerana kita berpaksikan kepada kaedah perundangan yang sama iaitu Akta Kerajaan Tempatan untuk Semenanjung Malaysia.
12. Bersesuaian dengan tema tersebut, terdapat empat (4) pembentangan kertas kerja yang dapat membantu pegawai-pegawai penilaian di semua PBT. Pembentangan yang akan berlangsung pada keesokan hari yang boleh dijadikan asas dan panduan serta manfaat bagi kita semua untuk mengukuhkan lagi PBT masing-masing. Saya dimaklumkan bahawa Pembentangan ini merangkumi tajuk-tajuk seperti :-

- i. Peranan Penilai Dalam Meningkatkan Hasil PBT;
- ii. Memperkasakan Peranan Penilai Dan Pengurusan Harta di PBT;
- iii. Kewangan PBT : Sumbangan Membantu Kadar - Satu Analisis; dan
- iv. Transformasi Pengurusan Percukaian PBT Malaysia Berkonsepkan Aplikasi Star Rating.

Kesemua pembentangan itu saya dapati ianya menjurus kepada halatuju kewangan di PBT

13. Di MPSP sendiri, kami telah menetapkan Fokus MPSP 2012 dengan tema “**Kemampunan Adalah Komitmen Kami**” merangkumi tujuh (7) Fokus yang telah dibentuk iaitu :-

- i. Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- ii. Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- iii. Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- iv. Fokus 4 : Penguatkuasaan
- v. Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- vi. Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal
- vii. Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Melalui Fokus 5 iaitu Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos, terdapat pelan tindakan di bawah program Meningkatkan Kutipan hasil dan Tuggakan Cukai Taksiran. MPSP telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan. Sebagai seorang YDP, inilah fokus terpenting dalam menentukan hala tuju PBT. Tanpa

hasil dan tanpa sumber kewangan yang kukuh maka enam lagi fokus lain sudah tentulah sukar untuk dilaksanakan. Dalam perkara ini, tuan-tuan dan puan-puan sebagai Pegawai Penilaian lah yang amat amat diharapkan untuk menjana dan menjadi pemikir kreatif diperingkat PBT untuk mengukuhkan pendapatan melalui penerokaan hasil-hasil baru cukai taksiran serta pertambahan hasil melalui pengurusan harta yang cekap.

Yang Berhormat, tuan tuan dan Puan-puan,

14. Sebagai PBT yang sentiasa berhubung secara langsung dengan masyarakat setempat atau *stakeholder*, sudah tentulah mereka mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap prestasi perkhidmatan sesebuah PBT. Kejayaan pentadbiran PBT dapat dinilai melalui tahap kepuasan *stakeholders* terhadap perkhidmatan yang disediakan. Ini kerana, penduduk merupakan penyumbang kepada hasil pendapatan PBT itu sendiri melalui pembayaran cukai cukai taksiran.
15. Tanggungjawab PBT di negara ini kini semakin mencabar kerana *stakeholders* kini mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. Oleh itu, setiap PBT dalam perancangannya perlu kehadapan agar setiap usaha yang dilakukan tidak hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja tetapi PBT harus buktikan yang PBT juga telah mengalami proses transformasi ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik. Di MPSP, kami telah melancarkan Program Transformasi MPSP sejak tahun 2010 yang lalu dan berterusan sehingga kini di mana telah terdapat beberapa perubahan

dan peningkatan bagi memastikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholders*.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sebagai seorang Yang Dipertua PBT, sudah tentu saya mengharapkan sesuatu daripada semua Pegawai -pegawai Penilaian. Yang pertama : Pegawai yang kreatif dan berfikiran cepat dan *business minded* seperti seorang ahli perniagaan. Ini kerana Pegawai Penilaian adalah teras kepada kekuahan kewangan PBT dan yang kedua iaitu seorang pengurus harta yang baik dan dapat merangka strategi yang sesuai serta tepat pada masanya kerana semua PBT mempunyai harta awam yang banyak untuk diuruskan setiap hari.
17. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan dapat melakukannya malah perhimpunan sebegini menyakinkan saya bahawa profesion Penilaian di PBT akan sentiasa kukuh dan sentiasa berkembang.
18. Saya juga mengharapkan agar bukan sahaja aktiviti ini dilakukan oleh Pegawai Penilaian tetapi juga merebak kepada bidang-bidang lain dan skop tugas lain di dalam PBT.
19. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan Majlis pada malam ini. .

20. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun :

*Berenang ikan di bawah titi,  
Menanti hidangan umpan di joran,  
Memperkasakan pendapatan PBT,  
Dapat memajukan kawasan pentadbiran.*

*Setelah memakan umpan di joran,  
Ikan tak dapat berenang ke mana,  
Setelah maju kawasan pentadbiran,  
Pembayar cukai hidup sempurna.*

Sekian, terima kasih.